



PRAKTIS

4 KITA CERMAT KITA SELAMAT



Fahami petikan. Kemudian, susun maklumat di bawah.

SP 1.2.1



Kakak, bagaimanakah cara kakak memasak air?

Halina, ingat pesanan kakak ini. Mula-mula, isi cerek dengan air. Selepas itu, lap cerek elektrik dengan kain hingga kering. Seterusnya, masukkan palam pada soket. Kemudian, tekan suis soket dan suis cerek elektrik. Akhir sekali, tutup suis soket apabila air sudah mendidih.



a	Masukkan palam pada soket.	
b	Isi cerek dengan air.	1
c	Tutup suis soket apabila air sudah mendidih.	
d	Lap cerek elektrik dengan kain hingga kering.	
e	Tekan suis soket dan suis cerek elektrik.	



B Baca dan fahami petikan di bawah. Kemudian, lengkapkan ayat. SP 2.3.2 (iv)

LINTASAN UN DAN

Lintasan undan disediakan untuk memudahkan pejalan kaki melintas jalan. Sebelum melintas jalan, kita perlulah menekan butang pada tiang lampu isyarat undan. Kita tidak boleh melintas jalan jika tanda isyarat melintas masih berwarna merah. Kita hendaklah menunggu sehingga tanda isyarat melintas berwarna hijau. Kemudian, barulah kita boleh melintas jalan.

Semua pemandu haruslah memberhentikan kenderaan masing-masing. Langkah ini amat penting bagi memberikan laluan kepada pejalan kaki untuk melintas jalan.



Tunggu sekiranya tanda isyarat melintas berwarna merah.

Lintas jalan sekiranya tanda isyarat melintas berwarna hijau.

Cara-cara Melintas Jalan Menggunakan Lintasan Undan

- 1 Tekan butang yang terdapat pada _____.
 - 2 Jangan melintas jika tanda isyarat melintas _____.
 - 3 Tunggu sehingga tanda isyarat melintas _____.
-



Fahami perbualan di bawah. Kemudian, jawab soalan.

SP 3.2.2 (i-ii)



Azhar, jangan bermain di tepi jalan raya.



Mengapakah saya tidak boleh bermain di tepi jalan raya, ibu?

Bermain di tepi jalan amat berbahaya. Keselamatan diri kita tidak terjamin. Kita mungkin akan dilanggar oleh kenderaan.

Baiklah, ibu. Saya berjanji tidak akan bermain di tepi jalan raya lagi.

Baguslah, begitu Azhar. Azhar boleh bermain di tempat yang selamat.

Di manakah tempat yang selamat untuk saya bermain, ibu?

Azhar boleh bermain dengan selamat di taman permainan. Di taman permainan, Azhar boleh bermain buaian, papan gelongsor, jongkang-jongket dan sebagainya.

Baiklah, ibu. Saya akan pergi ke taman permainan pada petang ini.

1 Mengapakah ibu melarang Azhar bermain di tepi jalan raya?

2 Apakah kenderaan yang terdapat di jalan raya?

3 Apakah janji Azhar kepada ibunya?



Nyanyikan lagu di bawah dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. SP 4.2.2 (i)



Mari Berhemah



Anaklah ayam,
Anak ayam turun sepuluh,
Mati seekor,
Mati seekor tinggal sembilan.

Anaklah ayam,
Anak ayam turun sembilan,
Mati seekor,
Mati seekor tinggalah lapan.

Malam yang gelap,
Malam gelap berlampu suluh,
Berhati-hati,
Berhati-hati jika berjalan.

Mari berhemah,
Berhemah jangan ketinggalan,
Mestilah aktif,
Mestilah aktif maju ke depan.



(Nyanyikan lagu di atas mengikut rentak lagu “Anak Ayam”)



Senaraikan perkataan berimbuhan awalan yang terdapat dalam lagu di atas.

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____
- 4 _____
- 5 _____

Kata Kerja Transitif Aktif



Lengkapkan ayat dengan kata kerja aktif yang betul.

SP 5.1.2 (i)

memimpin menyimpan menutup menjahit mengutip

- 1 John _____ cermin mata di dalam laci.
- 2 Zaini _____ pintu pagar rumahnya dengan berhati-hati.
- 3 Puan Hau _____ tangan anaknya semasa melintas jalan.
- 4 Salim _____ wang syiling yang bertaburan di atas lantai.
- 5 Puan Shanti _____ lencana sekolah pada baju anaknya dengan teliti.

Kata Kerja Transitif Pasif



Lengkapkan ayat dengan kata kerja pasif yang betul.

SP 5.1.2 (ii)

disusun dicuci dilarang dituang diangkat

- 1 Pinggan mangkuk itu _____ oleh Nora.
- 2 Air sirap itu _____ oleh kakak ke dalam cawan.
- 3 Buku di atas meja itu _____ oleh Xi Mei.
- 4 Pasu yang besar itu _____ oleh tukang kebun.
- 5 Murid-murid _____ untuk berbasikal di dalam kawasan sekolah.

Kata Hubung



Lengkapkan ayat dengan kata hubung yang sesuai.

SP 5.1.4 (i)

manakala


agar

atau

dan


lalu

1



Kita perlu menjaga kebersihan sungai
_____ sentiasa terpelihara.

2




Azman membuka penutup botol plastik itu
_____ membuangnya ke dalam
tong sampah.

3




Saya perlu buang botol plastik ini ke dalam
tong yang berwarna biru _____
coklat?

4



Suzan suka makan roti coklat _____
Tong Ngee suka makan roti sardin.

5



Pastikan alam sekitar sentiasa bersih
_____ ceria.

Kata Sendi Nama



Lengkapkan ayat dengan kata sendi nama yang betul.

SP 5.1.4(i)

- 1 Murid-murid mesti mematuhi peraturan keselamatan _____ sekolah. (di, dari)
- 2 Mereka bermain dari pagi _____ tengah hari. (untuk, hingga)
- 3 Bendera itu dipasang _____ sebatang tiang. (pada, dari)
- 4 Lorong itu dikhaskan _____ penunggang motosikal sahaja. (untuk, kepada)
- 5 Topi keledar itu diperbuat _____ bahan yang berkualiti. (di, daripada)

Kata Berimbuhan Awalan



Lengkapkan ayat dengan perkataan berimbuhan awalan be- yang betul.

SP 5.2.1 (iii)

- 1 Murid-murid _____ di dewan. (berkumpul, belkumpul)
- 2 Mereka sedang _____ sebelum menaiki bas. (bebaris, barbaris)
- 3 Bas sekolah itu _____ apabila lampu isyarat berwarna merah. (behenti, berhenti)
- 4 Mereka _____ tentang keselamatan di sekolah. (bebincang, berbincang)
- 5 Kumar akan _____ dalam pertandingan cerita. (bertanding, betanding)